



SETIAP orang berhak untuk mendapatkan pendidikan. - Gambar hiasan

ISLAM tidak meminggirkan mana-mana umatnya dan bersifat syumul dalam semua aspek.

# Islam memuliakan OKU

Islam bersifat syumul dan adil kepada umatnya dalam semua hal tanpa ada diskriminasi termasuk dalam aspek beribadah.

## pendidikan al-Quran & OKU

Bersama NORAKYAIREE MOHD. RAUS  
Pensyarah Kanan, Fakulti Perguruan  
Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia



**A**BU Zarr al-Ghifari r.a. pernah mengadu kepada Rasulullah SAW berkaitan kewajipan setiap insan untuk mengeluarkan sedekah bagi dirinya dan ke atas dirinya.

"Wahai Rasulullah, bagaimana kami mahu bersedekah sedangkan kami tidak memiliki harta?"

Rasulullah menjawab: "Sesungguhnya sebahagian daripada pintu-pintu sedekah itu ialah takbir, zikir, kamu menyuruh dengan perkara kebaikan, kamu mencegah daripada kemungkaran, kamu membuang duri, tulang dan batu dari laluan orang ramai, kamu memimpin orang buta, kamu memperdengarkan orang pekak dan bisu sehingga mereka memahami agama."

Abu Zarr menambah lagi: "Sekiranya ia sendiri seorang yang lemah dan tiada kekuatan untuk membantu orang yang dizalimi?"

Rasulullah menjawab: "Maka hendaklah ia berbuat kebaikan kepada orang lembam (tidak mampu memahami atau melakukan sesuatu pekerjaan dengan baik)."

Selain memberi bantuan khusus kepada golongan istimewa, hadis riwayat Imam al-Bayhaqi itu turut memberi isyarat kepada kita bahawa sebagai umat Nabi Muhammad, mencari ilmu dan memberi khidmat kepada mereka yang memerlukan ialah asas kepada kemanisan hidup bersyariat.

Bukti Islam menyantuni golongan orang kelainan upaya (OKU) jelas berdasarkan teguran Allah kepada Rasulullah dalam surah Abasa.

Baginda mendahulukan dakwah kepada pembesar Musyrikin Mekah daripada menjawab pertanyaan seorang cacat penglihatan iaitu Abdullah Ibn Umm Maktum r.a.



INSAN istimewa juga boleh berjaya seperti orang lain dan turut dikurniakan bakat yang tersendiri. - Gambar hiasan

Para mufasir meriwayatkan daripada Sufyan al-Thawri bahawa selepas peristiwa ini, setiap kali Rasulullah melihat Abdullah datang ke majlisnya, Baginda akan menghamparkan selendang sebagai alas tempat duduk untuk Abdullah.

Baginda berkata: "Silakan wahai orang yang menjadi sebab aku ditegur oleh Tuhanku."

Selepas itu, Baginda bertanya: "Adakah tuan mempunyai sebarang hajat?"

### Anugerah

Tuntutan mepegakkan syair Islam khususnya dalam konteks dakwah OKU itu akhirnya memperlihatkan kepada kita bahawa Islam sangat indah dan syariatnya merupakan anugerah rahmat yang syumul.

Antara syarat utama interaksi Rasulullah bersama insan istimewa itu ialah dengan menunjukkan konsep al-Qudwah Qabla al-Dakwah, iaitu menjadikan kemuliaan akhlak mendahului pendekatan dakwah.

Metode itu jelas digambarkan oleh Baginda ketika mendengar

aduan dan permintaan OKU.

Daripada Abu Hurayrah r.a.: "Seorang lelaki cacat penglihatan (Abdullah Ibn Umm Maktum) telah datang kepada Nabi Muhammad lalu berkata, wahai Rasulullah, sesungguhnya aku tidak mempunyai orang yang akan memimpinku ke masjid. Lelaki itu meminta Rasulullah memberi keringanan kepadanya supaya dia boleh melakukan solat di rumahnya. Maka Baginda memberikan keringanan.

"Ketika Abdullah mahu beredar pulang, Nabi Muhammad memanggilnya dan berkata, apakah kamu mendengar azan?"

Abdullah menjawab: "Ya". Lantas Baginda berkata: "Maka wajib kamu pergi solat jemaah di masjid." (Riwayat Imam Muslim)

Para ulama menyatakan bahawa perintah itu adalah dalam konteks keutamaan atau afdaliyyah bagi mereka yang mempunyai kemampuan dan keazaman yang tinggi untuk berbuat demikian.

Dalam konteks yang lain, perintah itu juga sebenarnya menuntut kita mengemukakan

bantuan agar warga OKU mendapat ganjaran tinggi di sisi Allah iaitu sama seperti insan normal yang lain.

Jelasnya, era kegemilangan Tamadun Islam memperlihatkan bahawa golongan lemah dan kelainan upaya itu merupakan insan yang paling istimewa dalam masyarakat.

Para sahabat Rasulullah saling berlumba untuk menawarkan perkhidmatan dan menyumbang sesuatu mengikut kemampuan masing-masing. Bahkan, sebahagian daripada mereka sanggup berkorban demi kemaslahatan golongan berkeperluan khas itu.

Khalifah Umar Abdul Aziz r.a. pernah membuat bancian tentang bilangan OKU semasa pentadbirannya.

Imam Abu Hanifah r.a. memfatwakan bahawa tugas memberi nafkah kepada OKU adalah di bawah tanggungan Baitulmal.

Khalifah al-Walid Abdul Malik r.a. telah membina hospital pertama bagi pesakit kusta pada tahun 88 Hijrah. Beliau juga menyediakan pembantu dan sukarelawan bagi golongan tempang serta cacat penglihatan.

Pada zaman Khalifah al-Walid, beliau melantik Ishaq Qubaisah al-Khuza'i bagi menjaga peruntukan OKU.

Beliau sentiasa memantau dan memastikan Ishaq melaksanakan tugasnya dengan baik. Apabila mereka datang kepadanya, dia akan memberikan sedekah kepada mereka. Pada zaman Umawiyun pula, hospital bagi orang gila dan terencat akal telah dibina bagi masalah golongan ini.

Khalifah al-Ma'mun r.a. menyediakan tempat berteduh untuk orang cacat penglihatan dan perempuan tua di Baghdad serta bandar-bandar besar. Sultan Qalawun membina hospital untuk menjaga kebajikan OKU ketika itu. Justeru, usaha dakwah OKU itu bukan cerita dan isu baharu tetapi ianya menjadi antara keutamaan dalam memelihara kesejahteraan ummah.